



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.77 / 2019

PENJELASAN ISU ADUAN BERKENAAN LOKALITI KAMPUNG ULU PULAI YANG DIDAKWA JAUH DARIPADA PUSAT MENGUNDI

1. Merujuk kepada laporan berita membabitkan isu pusat mengundi yang jauh di Kampung Ulu Pulai, SPR ingin menjelaskan bahawa pada PRU Ke-13, Kampong Ulu Pulai terletak dalam **Daerah Mengundi Kampong Pulai, N.49 Nusa Jaya, P.162 Parlimen Gelang Patah** dan Pusat Mengundi adalah di Sekolah Kebangsaan Kampung Pulai.
2. SPR telah membuat syor persempadanan baharu bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu yang telah diluluskan di Parlimen pada 28 Mac 2018. Sehubungan dengan pewartaan syor tersebut pada 29 Mac 2018, terdapat beberapa kawasan bahagian pilihan raya sedia ada yang telah berubah mengikut syor baharu. Berdasarkan persempadanan baharu itu, **Kampung Ulu Pulai telah berubah ke Daerah Mengundi Bandar Pekan Nenas Selatan, N.55 Pekan Nanas** dalam kawasan **Parlimen P.165 Tanjong Piai** dan mereka mengundi di SJK (C) Yu Ming 1 pada PRU Ke-14. Perubahan ini dilaksanakan setelah mengambil kira sempadan pentadbiran Daerah Pontian dan Daerah Johor Bahru.

3. Bagi mengatasi kesesakan serta waktu menunggu yang lama, SPR telah menyediakan dua saluran khas untuk pengundi warga emas berusia 60 tahun ke atas dan pengundi OKU. Selain itu, SPR juga telah mengurangkan bilangan pengundi bagi setiap saluran daripada 750 orang kepada 600 orang, menyediakan tanda arah di pusat mengundi untuk menyalurkan aliran pergerakan pengundi serta menyediakan zon menunggu kepada pengundi di setiap saluran.

4. SPR sentiasa terbuka kepada cadangan penambahbaikan dan sentiasa berusaha untuk menjaga keselesaan pengundi serta melaksanakan pilihan raya yang telus, berintegriti dan mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.



DATUK AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 23 Oktober 2019 / 24 Safar 1441H